



BIL: Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (23)

Tarikh: 5 April 2026

MBPJ PERKUKUH INFRASTRUKTUR SUKAN KOMUNITI, GELANGGANG FUTSAL PJS 1 BERI MANFAAT KEPADA HAMPIR 90,000 PENDUDUK

Petaling Jaya, 5 April 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus komited dalam memperkukuh pembangunan infrastruktur sukan komuniti menerusi **perasmian gelanggang futsal baharu di Dataran Anak Muda, PJS 1** yang kini siap sepenuhnya untuk kegunaan orang awam.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, berkata inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MBPJ dalam menyediakan kemudahan rekreasi yang berkualiti, selamat dan inklusif, khususnya bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan PJS 1 dan sekitarnya yang dianggarkan berjumlah hampir 90,000 orang.

Menurut beliau, projek pembangunan gelanggang futsal tersebut melibatkan kos sebanyak **RM790,000** dan telah berjaya disiapkan pada **Disember 2025**, hasil komitmen berterusan selama lima tahun oleh Ahli Majlis MBPJ Zon 17.

“Penyediaan gelanggang futsal ini bukan sahaja memenuhi keperluan infrastruktur sukan, malah menjadi platform untuk menggalakkan gaya hidup sihat serta mengukuhkan interaksi sosial dalam kalangan komuniti setempat,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian tersebut, hari ini.

Beliau turut menegaskan bahawa kemudahan yang disediakan perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat serta dipelihara dengan baik bagi mengelakkan sebarang aktiviti vandalisme yang boleh menjejaskan kemudahan awam.

Dalam masa yang sama, beliau berharap kawasan Dataran Anak Muda yang telah dinaik taraf ini dapat berfungsi sebagai hab aktiviti komuniti yang lebih dinamik, sekali gus memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk setempat.

“Usaha seperti ini selari dengan aspirasi MBPJ untuk memastikan Petaling Jaya terus kekal sebagai sebuah bandar yang sejahtera dan diiktiraf sebagai bandar paling bahagia,” tambah beliau.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh En. Ahmad Akhir bin Pawan Chik, Ahli Majlis MBPJ Zon 18, En. Mohamed Hamka bin Mohamed Jumah, Ahli Majlis MBPJ Zon 22, Pn. Norah binti Mansor, Ahli Majlis MBPJ Zon 17 dan En. Ismathinoon bin Hj. Abd. Rahman, Pengarah Kawalan Bangunan MBPJ.



Dengan siapnya gelanggang futsal ini, MBPJ optimis lebih banyak program sukan dan aktiviti komuniti dapat dilaksanakan secara berterusan, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan peningkatan kualiti hidup penduduk Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: pjcitycouncil, e-mel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (24)

Tarikh: 7 April 2026

PERASMIAN DAMANSARA AVENUE LINK BRIDGE PERKUKUH MOBILITI BANDAR DAN AKSES TERUS KE MRT

Petaling Jaya, 7 April 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyambut baik pembukaan **Damansara Avenue Link Bridge** yang menghubungkan secara langsung **Stesen MRT Sri Damansara Sentral** ke **Damansara Avenue**, sekali gus mempertingkatkan ketersambungan rangkaian pengangkutan awam dan mobiliti bandar di Petaling Jaya.

Jambatan pejalan kaki bertingkat sepanjang **320 meter** ini telah dirasmikan **oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon**, dalam satu majlis yang berlangsung di lokasi projek, hari ini.

Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya menegaskan bahawa pembangunan infrastruktur berimpak tinggi seperti ini merupakan pemangkin penting ke arah pembentukan bandar yang lebih berdaya huni, efisien dan mampan.

“Pembukaan Damansara Avenue Link Bridge ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh jaringan mobiliti bandar yang inklusif. Ia bukan sahaja meningkatkan akses kepada pengangkutan awam, malah menyokong usaha membentuk persekitaran bandar yang mesra pejalan kaki serta berorientasikan transit,” katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama strategik antara pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta dalam memastikan pelaksanaan pembangunan infrastruktur yang menyeluruh dan memberi impak langsung kepada komuniti.

“Sinergi ini membolehkan penyampaian kemudahan awam yang lebih berkualiti, sekali gus meningkatkan kesejahteraan warga kota,” tambah beliau.

Jambatan ini kini beroperasi sepenuhnya sebagai laluan pejalan kaki, menyediakan akses terus ke rangkaian MRT dan memperkukuh hubungan antara pembangunan sekitar dengan sistem pengangkutan awam sedia ada.

Kemudahan laluan berbumbung yang disediakan turut meningkatkan keselesaan pengguna dengan menawarkan persekitaran yang selamat dan terlindung, di samping menyokong perjalanan *last-mile* yang lebih lancar dan efisien.



Dari aspek teknikal, pembinaan jambatan ini melibatkan cabaran kejuruteraan yang kompleks kerana merentasi beberapa laluan utama termasuk **Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)**, **Jalan Kuala Selangor** dan **Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) 2**, sekali gus mencerminkan tahap perancangan dan pelaksanaan yang teliti.

Inisiatif ini selari dengan aspirasi MBPJ dalam memperkukuh pembangunan berorientasikan *Transit-Oriented Development (TOD)* serta menggalakkan peralihan kepada penggunaan pengangkutan awam sebagai mod utama mobiliti bandar.

Secara keseluruhannya, pembukaan jambatan penghubung ini dijangka memberi manfaat signifikan kepada penduduk, pengguna MRT serta komuniti setempat melalui penyediaan akses yang lebih mudah, selamat dan efisien, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (25)**

Tarikh: 11 APRIL 2026

STEP UP PJ @ JOM NAIK TANGGA MENARA MBPJ PERKASA GAYA HIDUP SIHAT DAN INKLUSIF WARGA BANDAR

PETALING JAYA, 11 APRIL 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini melancarkan Program STEP UP PJ @ Jom Naik Tangga MBPJ, satu inisiatif berteraskan komuniti yang bertujuan membudayakan gaya hidup sihat, aktif dan inklusif dalam kalangan warga Petaling Jaya serta masyarakat Negeri Selangor secara amnya.

Program ini merupakan kesinambungan kepada pelbagai usaha MBPJ dalam memperkukuh agenda kesejahteraan bandar dan pembangunan komuniti.

Sejak tahun 2022, MBPJ telah memeterai Memorandum Persefahaman bersama atlet pelari menara negara, Soh Wai Ching, bagi menyokong penyertaan beliau di peringkat antarabangsa. MBPJ juga telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Malaysia Towerrunning Association (MTA) dalam sukan larian Menara MBPJ.

Kerjasama strategik tersebut bukan sahaja membantu mengangkat nama negara di persada dunia, malah menjadi platform penting dalam mempromosikan Petaling Jaya sebagai bandaraya yang mampan, berdayahuni dan sejahtera.

Seiring dengan usaha tersebut, Menara MBPJ kini telah berkembang sebagai pusat latihan larian menara yang aktif melalui penganjuran klinik latihan mingguan yang telah berjaya berlangsung lebih 100 minggu berturut-turut. Pencapaian ini turut menerima pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records.

Selain itu, MBPJ juga terus komited menganjurkan Menara MBPJ Tower Run National Championship secara tahunan sebagai platform pencarian dan pembangunan bakat baharu dalam kalangan komuniti serta atlet muda.

Program _STEP UP PJ_ yang dilancarkan hari ini turut dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama Rotary Club of Petaling Jaya dan The Lost Food Project dalam usaha memperkasa pembangunan sosial, kesejahteraan masyarakat serta peningkatan kualiti hidup warga bandar.

Aktiviti pendakian tangga yang menjadi teras program ini bukan sahaja menguji ketahanan fizikal, malah merupakan bentuk senaman yang mudah, efektif dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Lebih membanggakan, program ini turut memberi penekanan kepada elemen inklusiviti dengan penglibatan golongan orang kurang upaya (OKU) mengikut keupayaan masing-masing.



Pendekatan ini mencerminkan komitmen MBPJ dalam memastikan pembangunan bandar yang inklusif, di mana setiap lapisan masyarakat diberikan peluang untuk terlibat secara aktif, bermakna dan menyeluruh.

Penglibatan Senator Isaiah D. Jacob dalam program ini juga amat signifikan, selaras dengan peranan beliau dalam memperjuangkan hak dan kebajikan golongan OKU di Malaysia.

MBPJ berharap program seperti ini dapat terus diperkasakan dan diangkat sebagai antara acara tahunan berprestij yang boleh dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan Negeri Selangor. Inisiatif ini juga dilihat mampu menyokong pembangunan Petaling Jaya sebagai destinasi pelancongan sukan dalam bandar yang unik dan berdaya saing di peringkat nasional serta antarabangsa.

Dalam masa yang sama, program ini diharap dapat menggalakkan penglibatan aktif komuniti, khususnya golongan muda, dalam aktiviti sihat serta menjauhkan mereka daripada gejala tidak sihat, di samping menjadi platform untuk mencungkil bakat baharu dan membina masyarakat yang lebih sihat, sejahtera dan berdaya tahan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL : **Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (26)**

Tarikh: 17 APRIL 2026

MAKLUM BALAS ARTIKEL AKHBAR THE STAR BERTAJUK “DRAINS CHOKED WITH GRIME, RODENTS”

PETALING JAYA, 17 APRIL 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memandang serius isu kebersihan longkang serta kehadiran tikus seperti yang dilaporkan dalam artikel **The Star** bertajuk “*Drains choked with grime, rodents*” pada **14 April 2026**. MBPJ menegaskan bahawa tindakan pemantauan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan secara berterusan bagi menangani isu ini secara menyeluruh.

Berdasarkan pemantauan terkini, kerja pembersihan longkang di kawasan tumpuan seperti SS2 telah dilaksanakan oleh **KDEB Waste Management Cawangan Petaling Jaya** menggunakan kaedah *jetter* pada **3 April 2026**. Secara amnya, kerja pembersihan dijalankan mengikut prosedur operasi standard (SOP) iaitu **dua (2) kali seminggu di kawasan komersial dan dua (2) kali sebulan di kawasan perumahan**.

Namun demikian, terdapat kekangan di beberapa lokasi apabila struktur longkang yang telah ditutup secara kekal oleh pemilik premis menghalang kerja pembersihan dilaksanakan secara menyeluruh. Bagi memastikan liputan kerja yang lebih efektif di kawasan berisiko tinggi seperti SS2, KDEB turut melantik **dua (2) subkontraktor** bagi pelaksanaan kerja pembersihan secara berfokus dan konsisten.

Seiring itu, MBPJ melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Jabatan Kejuruteraan terus mempergiatkan pemantauan berkala di kawasan berkepadatan tinggi. Tindakan segera termasuk pembersihan tambahan dan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan aduan awam serta hasil pemeriksaan lapangan.

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2026, sebanyak **161 premis makanan telah diperiksa**, dengan **251 kompaun dikeluarkan** dan **43 premis diarahkan tutup** atas pelbagai kesalahan kebersihan di bawah **Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan MBPJ 2007**. Di kawasan SS2 sahaja, **21 premis telah diperiksa**, melibatkan **3 penutupan premis** dan **11 kompaun** atas kesalahan termasuk kegagalan menyelenggara *grease trap*, operasi tanpa lesen, tiada suntikan tifoid (TY2) serta penggunaan ruang lorong belakang.

Walaupun penguatkuasaan dilaksanakan secara tegas dan berterusan, MBPJ mendapati isu pembuangan minyak dan sisa makanan ke dalam longkang masih berulang. Antara faktor utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- 1) Tahap pematuhan pengusaha yang masih rendah, khususnya dalam penyelenggaraan *grease trap* dan pengurusan sisa makanan.
- 2) Kurangnya kesedaran serta latihan pengendali makanan terhadap kepentingan kebersihan dan impak pencemaran.
- 3) Sikap segelintir pengusaha yang tidak mematuhi garis panduan kebersihan yang ditetapkan.
- 4) Perbuatan membuang sisa ke dalam sistem perparitan yang menyalahi undang-undang, di mana hanya air larian hujan dibenarkan mengalir ke longkang selaras dengan peruntukan Akta 133.
- 5) Kewujudan halangan fizikal seperti binaan tanpa kebenaran dan pemasangan paip yang menjejaskan aliran air serta menyukarkan kerja penyelenggaraan.

MBPJ menegaskan komitmen untuk memastikan pematuhan sepenuhnya dalam kalangan pengusaha premis makanan terhadap keperluan kesihatan dan pengurusan sisa. Tindakan tegas akan terus diambil terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi peraturan, memandangkan kesalahan tersebut bukan sahaja mencemarkan alam sekitar malah menjejaskan kesejahteraan awam.

Dari perspektif jangka panjang, MBPJ berpandangan sistem saliran sedia ada masih berfungsi dengan baik dan tidak memerlukan naik taraf menyeluruh pada masa ini. Walau bagaimanapun, kerja penyelenggaraan dan pembaikan akan terus dilaksanakan secara berterusan berdasarkan keutamaan, keperluan semasa dan peruntukan yang diluluskan.

MBPJ akan terus memperkukuh pemantauan, penguatkuasaan serta usaha advokasi bagi meningkatkan kesedaran awam dan pematuhan pengusaha. Kerjasama semua pihak amat penting dalam memastikan persekitaran bandar kekal bersih, selamat dan mampan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (27)

Tarikh: 21 April 2026

179 WARGA MBPJ DIRAI, APC 2025 & SANJUNGAN BUDI PESARA 2026 JADI PEMANGKIN BUDAYA CEMERLANG

Petaling Jaya, 21 April 2026 – Seramai 179 warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) diraikan dalam **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2025 dan Sanjungan Budi Pesara Tahun 2026** yang berlangsung di Hotel Armada, Petaling Jaya, hari ini.

Majlis telah disempurnakan oleh **YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dan YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan, Timbalan Datuk Bandar.

Penganjuran majlis ini menjadi platform MBPJ dalam menzahirkan penghargaan terhadap prestasi cemerlang warga kerjanya sepanjang tahun 2025, di samping meraikan jasa dan sumbangan pesara yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan serta kecemerlangan organisasi. Inisiatif ini turut berperanan sebagai suntikan motivasi bagi menggalakkan peningkatan produktiviti serta mengekalkan tahap perkhidmatan yang berkualiti tinggi, sekali gus memperkukuh keyakinan rakyat terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Dalam majlis tersebut, seramai **147** pegawai dan kakitangan menerima APC, diikuti **dua penerima dalam kalangan lantikan Contract For Service (CFS), lima penerima Anugerah Khas Datuk Bandar** serta **25 pesara tahun 2026** turut diraikan. Sebagai tanda penghargaan berterusan kepada pesara, MBPJ turut menyediakan insentif khas berupa hadiah umrah bagi warga kerja beragama Islam serta lawatan ke tempat keagamaan bagi bukan Islam.

Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya menegaskan bahawa pengiktirafan seumpama ini berperanan sebagai pemangkin dalam membudayakan kecemerlangan dan meningkatkan profesionalisme penjawat awam, selari dengan aspirasi pembangunan negeri.

Menurut beliau, MBPJ juga komited memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan berkesan, berpandukan visi menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya mampan dan bahagia.

“Bagi merealisasikan hasrat tersebut, MBPJ telah menggariskan teras strategik utama meliputi pengukuhan tadbir urus berintegriti, pemerkasaan inisiatif bandar pintar, pembangunan mampan, peningkatan kesejahteraan komuniti, rangsangan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan modal insan berprestasi tinggi. Kejayaan ini bergantung kepada komitmen dan kerjasama seluruh warga kerja MBPJ,” katanya.



Beliau turut menekankan bahawa penjawat awam perlu memainkan peranan sebagai pemacu utama agenda reformasi pentadbiran dan transformasi perkhidmatan berteraskan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) serta Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU).

Selaras dengan **Pelan Strategik PJ Mampan dan Bahagia 2030**, MBPJ beriltizam untuk terus memperkasa pembangunan modal insan yang berdaya saing dalam mendepani cabaran semasa.

Majlis ini diharap dapat memperkukuh semangat dan komitmen warga kerja dalam meneruskan kecemerlangan perkhidmatan, selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor sempena Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Selangor ke-15 yang menekankan kepentingan peningkatan kualiti perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (28)

Tarikh: 25 April 2026

MBPJ, KGNS METERAI MOU NAIKTARAF SISTEM PERPARITAN, PERKUKUH USAHA TEBATAN BANJIR

Petaling Jaya, 25 April 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini memeterai **Memorandum Persefahaman (MoU)** bersama **Kelab Golf Negara Subang (KGNS)** bagi melaksanakan projek naik taraf sistem perparitan di Jalan SS 7/2, SS 7, dalam usaha memperkukuh langkah tebatan banjir di kawasan Kelana Jaya.

MoU ini telah ditandatangani oleh **Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon** bersama **Timbalan Presiden KGNS, En. Abdul Majid bin Md Yusof**, serta disaksikan oleh **Penolong Pengarah Kanan (Aset), Jabatan Kejuruteraan MBPJ, En. Mohd Aswardi Kong bin Mohd Azizi Kong** dan **Kapten KGNS, En. Lee Say Yong**.

Turut hadir ialah **Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO) Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi, Y.B. Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah**, serta **Pegawai Eksekutif Kanan Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS), Pn. Fara Hazwani binti Dahari**.

Inisiatif ini merupakan langkah proaktif MBPJ dalam menangani isu banjir secara lebih menyeluruh dan berimpak tinggi, khususnya di kawasan berisiko.

“Projek naik taraf sistem perparitan ini merupakan usaha berterusan MBPJ dalam memperkukuh infrastruktur saluran sedia ada, khususnya di kawasan berisiko seperti Kelana Jaya. Ia bukan sahaja bertujuan mengurangkan risiko banjir, malah memberi penekanan kepada aspek keselamatan awam dan kesejahteraan penduduk,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa kerjasama strategik bersama KGNS yang membenarkan penggunaan tanah pajakan tanpa sebarang pampasan atau sewaan mencerminkan komitmen tinggi sektor swasta dalam menyokong agenda pembangunan bandar.

Projek ini melibatkan penggunaan tanah seluas kira-kira 3,150 meter persegi dengan jajaran sepanjang 630 meter, yang akan dimanfaatkan bagi pelaksanaan sistem perparitan baharu mengikut spesifikasi teknikal yang ditetapkan.

MBPJ komited melaksanakan projek ini secara profesional dan terancang dengan skop kerja merangkumi pembinaan sistem perparitan, pemasangan pagar anti-panjat serta jaring keselamatan, selain pembinaan semula laluan pacu lasak di kawasan terlibat.

Pelaksanaan projek ini akan dikendalikan oleh kontraktor yang dilantik, dengan perlindungan insurans pihak ketiga bagi menjamin keselamatan pekerja, harta milik KGNS serta orang awam sepanjang tempoh pelaksanaan.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

Sejurus projek siap sepenuhnya, kemudahan seperti pagar, jaring keselamatan dan laluan pacu lasak akan diserahkan kepada pihak KGNS untuk tujuan penyelenggaraan berkala dan pemantauan keselamatan. Kerjasama ini dijangka berlangsung sehingga **13 Mac 2055**.

MBPJ turut menzahirkan penghargaan kepada KGNS dan PPGS atas sokongan serta kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan projek ini.

MoU ini mencerminkan kerjasama strategik yang kukuh antara sektor awam dan swasta, sekali gus memperkukuh komitmen berterusan dalam membangunkan bandar yang lebih selamat, mampan dan berdaya tahan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695